

**TEKS UCAPAN  
YANG BERBAHAGIA PROFESOR TS. DR. HAJAH  
ROZIAH MOHD JANOR  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA**

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)  
ANTARA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)  
DENGAN  
MBSB BANK BERHAD**

**14 FEBRUARI 2023 | SELASA | 12 TENGAH HARI  
BANGUNAN CANSELORI  
UiTM SHAH ALAM**

**Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama dalam majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan MBSB Bank.

2. Tahniah saya ucapkan kepada pihak Fakulti Pengurusan & Perniagaan atas inisiatif dan komitmen untuk melaksanakan MoU bersama MBSB Bank ini.

3. Saya juga mengalu-alukan kehadiran wakil daripada pihak MyFundAction dan terima kasih kerana memberi sokongan dalam menjayakan majlis pada hari ni.

## **Hadirin yang dihormati,**

4. Kita sedia maklum, landskap pendidikan kini semakin mencabar. Dalam konteks ini, UiTM turut tidak ketinggalan dalam memacu teknik penyampaian serta perkhidmatan universiti yang lebih berkesan seiring dengan tuntutan kemajuan teknologi.

5. Tambahan lagi, ekonomi pada masa hadapan ditentukan oleh kemajuan teknologi. MBSB Bank selaku salah satu syarikat yang terlibat dalam teknologi terkini dilihat mampu meneroka dengan lebih dalam dalam bidang ini khususnya melalui kolaborasi yang dilaksanakan bersama UiTM.

6. UiTM berbesar hati untuk menjalinkan kerjasama dengan MBSB Bank yang sedang memacu tinggi dalam menjadi bank terkemuka khususnya dalam perbankan Islam. Menerusi kolaborasi ini, kita dapat melebar luas dan merancakkan lagi bidang digital, ekonomi lestari, akademik dan penyelidikan antara kedua-dua pihak.

**Hadirin sekalian,**

7. Dalam menjadikan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam sebagai perintis kampus digital, amat bertepatan sekali MBSB Bank menjadi tulang belakang bagi menjayakan usaha ini bersama-sama Fakulti Pengurusan dan Perniagaan yang merupakan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan terbesar di Malaysia.

8. Salah satu program hasil usahasama UiTM khususnya antara Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dengan MBSB Bank ialah program 'ICAN WEEK' yang telah diadakan dengan jayanya pada November 2022.

9. Pada masa yang sama, MBSB Bank juga telah menaja sebanyak RM 7,000 bagi MACFEA-FBM International Conference 2022 yang dilaksanakan pada Disember tahun lalu. Alhamdulillah. Terima kasih.

10. Saya yakin, kerjasama ini dapat membuka ruang dan peluang kepada para pelajar UiTM untuk menjalani latihan industri dan pelbagai aktiviti bersama MBSB Bank, seterusnya membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan UiTM.

11. Saya berharap kerjasama antara UiTM dengan MBSB Bank ini, tidak menjadi kerjasama yang sekadar 'cukup syarat' atau 'asal ada'. Tetapi ia harus menjadi satu kerjasama yang memberikan impak besar dan berterusan serta dapat menonjolkan keupayaan industri dan kepakaran universiti tempatan pada peringkat antarabangsa.

12. Semoga melalui perjanjian seperti ini, hubungan di antara universiti dan industri dapat dikukuhkan dengan aktiviti yang bermanfaat bukan sahaja kepada warga UiTM malah seluruh masyarakat.

16. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang telah bersungguh-sungguh dalam menjayakan majlis kita pada hari ini.

**Sekian.**

**Wabillahitaufik walhidayah**

**Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**